

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
BILANGAN 1/1985**

**JAMINAN BANK ATAU WANG PERTARUHAN BON DALAM
SURAT PERJANJIAN MENGAMBUS DAN MERATA MENGENAI
TANAH-TANAH YANG DIKELUARKAN UNTUK PAJAKAN GALIAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk membawa kepada pengetahuan Pemungut-pemungut Hasil Tanah di Negeri Selangor mengenai keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya pada 9 Jun, 1983 telah membuat keputusan seperti berikut:

“Pembayaran jaminan bajk bagi syarat mengambus dan merata tanah lombong kecuali kawasan kelepasan dengan ‘irrevocable’ bank gerenti yang dinilai atas kadar RM 5,000.00 seekar bagi kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dikenakan. Merinyu Kanan Galian Selangor adalah dikehendaki menyediakan satu kertas kerja untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menunjukkan kawasan-kawasan perlombongan di Negeri Selangor yang termasuk di dalam kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan’.

3. Selanjutnya pada 22 Januari, 1985 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan perakuan Merinyu Kanan Galian Selangor seperti berikut:

- (i) Kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan adalah meliputi kawasan-kawasan Majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah, kawasan-kawasan yang telah diluluskan untuk pembangunan dan perumahan tidak kurang dari 10 ekar bagi satu kelompok dan kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan Rimber Templer dan juga kawasan-kawasan yang dilingkungi sejarak satu batu dari sempadan kawasan-kawasan yang tersebut di atas akan dikenakan kadar jaminan bank sebanyak RM 5,000.00 seekar.
- (ii) Asas bagi mengenakan kadar wang pertaruhan RM 5,000.00 seekar bagi kawasan-kawasan yang tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Pembangunan dalam kawasan-kawasan yang tersebut adalah pesat dibangunkan dalam tempoh 10 tahun akan datang.
 - (b) Pihak pemajak tidak akan memberi kebenaran bagi mengeluarkan pasir dari kawasan-kawasan lombong itu dengan sewenang-wenangnya.

- (c) Bagi menentukan syarat mengambus dan meratakan itu akan dipatuhi dengan sepenuhnya oleh pemajak-pemajak supaya kawasan-kawasan yang berkenaan akan dibangunkan sebagai yang dirancangkan oleh Kerajaan.
- (iii) (a) Kawasan-kawasan yang selebihnya dikenakan kadar sebanyak RM2,000.00 seekar.
 - (b) Tujuan mengenakan kadar jaminan bank sebanyak RM2,000.00 seekar bagi kawasan-kawasan yang lain itu ialah disebabkan kawasan-kawasan itu kurang berpotensi untuk dibangunkan dan cuma mungkin dibangunkan dalam tempoh lebih 10 tahun akan datang dan dengan jalan ini tidak membebankan pemajak-pemajak untuk mengeluarkan kadar jaminan yang begitu tinggi. Tetapi saya percaya syarat mengambus dan merata itu dapat dipatuhi, dengan mengurangkan kadar jaminan bank ini.
- (iv) Berkaitan dengan kadar yang akan dikenakan samada RM 5,000.00 atau RM 2,000.00 seekar adalah dikira dari luas kawasan kelulusan ditolak kawasan kelepasan dan dikali dengan kadar bayaran jaminan itu.

4. Semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil perhatian terhadap keputusan-keputusan yang dinyatakan di atas semasa mengemukakan permohonan-permohonan pajakan galian untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bil.(5)dIm.PTG.SEL.14/1/6

Bertarikh : 15hb. Februari, 1985

s.k. Merinyu Kanan Galian Selangor.